

12/09/1999

Isu keracunan kejutkan bicara

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR: Perbicaraan kes liwat membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang masuk minggu ke-12, dikejutkan dengan dakwaan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menghadapi keracunan arsenik.

Anwar yang mengadu rambutnya gugur dan tangannya kebas kesan daripada keracunan itu, dihantar ke hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras bagi menjalani pemeriksaan perubatan.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Ariffin Jaka yang mengambil berat dakwaan Anwar yang dibuat menerusi peguam belanya, Karpal Singh memerintahkan pemeriksaan itu dijalankan segera.

Beliau juga menangguhkan perbicaraan sehingga Anwar disahkan sihat oleh doktor untuk hadir ke mahkamah mengikuti sambungan perbicaraan itu.

Perbicaraan yang masuk hari ke-51 itu pada peringkat penghujahan penutupan kes pendakwaan. Peguam bela Sukma Darmawan, Jagdeep Singh Deo sepatutnya menyambung hujahnya hari ini.

Sebelum ini, perbicaraan disambung Isnin lalu selepas berehat selama dua minggu bagi membolehkan pembela dan pendakwa menyediakan hujah mereka.

Berikut adalah rentetan perbicaraan minggu ke-12.

* 6 September (Hari ke-47)

Ariffin menetapkan keputusan esok (7 September), sama ada akan membatalkan keterangan saksi utama pendakwa Azizan Abu Bakar yang didapati mempunyai percanggahan ketara dengan keterangannya pada perbicaraan kes rasuah Anwar.

Ariffin berkata, beliau memerlukan masa meneliti hujah dan nota keterangan perbicaraan kes rasuah itu sebelum membuat keputusannya esok.

Sebelum itu, pembela dan pendakwa bersetuju untuk berhujah berhubung perkara pembatalan keterangan itu dulu sebelum memulakan hujah penutupan kes pendakwaan yang ditetapkan hari ini.

Keterangan yang didakwa mempunyai percanggahan adalah berdasarkan kepada keterangan Azizan dalam perbicaraan kes rasuah iaitu:

* Selepas bulan sembilan 1992 sehingga sekarang tertuduh tidak meliwat saya;

* Saya setuju bahawa Datuk Seri Anwar tidak meliwat saya sebab itulah saya masih pergi ke rumahnya antara 1992 hingga 1997. Jika tidak saya tentu menjauhkan diri saya dari rumahnya;

* Di antara tahun 1992 dan 1997 saya masih terus melawat tertuduh...;

* Saya tidak ada masalah dengan tertuduh di antara 1992 dan 1997;

* Kejadian liwat tetap berlaku terhadap saya di awal 1992 hingga bulan Mei 1992 tanpa kerelaan saya;

* Saya salah faham mengenai soalan yang dikemukakan kepada saya tempoh hari kerana tahun 1992 terlalu umum dan pihak pembela tidak menyatakan kepada saya bilakah bulannya saya melawat rumah tertuduh. Kejadian liwat memang terjadi semasa saya bekerja sebagai pemandu kepada isteri tertuduh dari awal 1992 hingga bulan Mei 1992. Maksud kejadian liwat dalam jawapan saya ialah tertuduh telah melakukan kepada saya.

* Salah satu perbuatan yang tidak dapat saya lupakan ialah peristiwa di rumah tertuduh kedua (Sukma Darmawan) di Tivoli Villa di mana tertuduh telah meliwat saya dulu dan diikuti dengan adik angkatnya meliwat saya pula.

Dalam perbicaraan kes liwat pula, Azizan mengatakan bahawa beliau diliwat oleh Anwar dan Sukma Darmawan pada satu masa antara Januari hingga

Mac 1993.

Sehubungan itu, Ariffin memerintahkan Azizan memberi penjelasan berhubung percanggahan itu dan Azizan menjawab:

* Apabila saya katakan yang saya diliwat selepas Mei 1992, apa yang saya maksudkan ialah kejadian diliwat tidak berlaku di rumahnya. Itu adalah bagi menjawab soalan peguam bela mengapa saya masih berkunjung ke rumah Datuk Seri Anwar;

* Kejadian liwat memang berlaku terhadap saya selepas bulan Mei 1992 dan selepas saya berhenti kerja tetapi bukan berlaku di rumahnya;

* Dan saya juga ada memberitahu ketika perbicaraan dulu kejadian tidak dapat saya lupakan di rumah Accused 2 (tertuduh kedua) di Tivoli Villa dan tidak ada pihak yang menanyakan tahunnya.

* 7 September (Hari ke-48)

Mahkamah Tinggi menolak permohonan untuk mencabar kewibawaan keterangan saksi utama pendakwa Azizan yang didakwa pembela mempunyai percanggahan ketara.

Ariffin berkata beliau berpuas hati dengan penjelasan Azizan yang munasabah dan dapat diterima mahkamah.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan pembela bahawa keterangan Azizan pada perbicaraan kes liwat dan rasuah membabitkan Anwar mempunyai percanggahan.

Katanya, penjelasan dan keterangan yang didakwa mempunyai percanggahan itu perlu dilihat dalam sudut saksi berkenaan menjawab soalan yang dikemukakan pembela dan pendakwa.

"Saya berpendapat, penjelasan itu adil. Saya terima penjelasan yang diberikan itu, oleh itu tidak perlu kewibawaan keterangan saksi itu dicabar, " katanya.

* September (Hari ke-49)

Peguam bela Anwar, Christopher Fernando yang memulakan hujahnya memberitahu mahkamah bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan kes liwat ke atas Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan, mengatasi keraguan munasabah seperti yang ditetapkan undang-undang.

Katanya, walaupun mahkamah memakai standard bukti yang rendah, pendakwa masih gagal membuktikan kes prima facie (ada kes untuk dijawab) terhadap kedua-dua tertuduh.

"Pendakwa bertanggungjawab membuktikan kesnya mengatasi keraguan munasabah kerana kejadian itu berlaku sebelum pindaan Kanun Acara Jenayah berhubung standard bukti pada 1997," katanya.

Seorang lagi peguam bela Anwar, Karpal Singh yang menyambung hujah pembela memberitahu mahkamah bahawa kes pendakwaan tidak lengkap berikutan kegagalan memanggil Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dan bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor memberi keterangan.

Katanya, pendakwa patut memanggil Dr Mahathir untuk memberi penjelasan kerana beliau adalah orang pertama yang menerima aduan Azizan yang mendakwa diliwat Anwar.

Karpal berkata, Abdul Rahim pula perlu memberi penjelasan berhubung kenyataannya di akhbar bahawa dakwaan Azizan itu adalah tidak berasas sama sekali.

* 9 September (Hari ke-50)

Karpal menyambung hujahnya berkata kes pendakwaan ke atas Anwar dan Sukma Darmawan tidak berjaya kerana kegagalan pendakwa mengemukakan bukti perubahan Azizan diliwat oleh tertuduh.

Katanya, pendakwa gagal memberikan jawapan yang memuaskan kenapa tidak ada sebarang bukti perubahan untuk menunjukkan dubur Azizan mengalami penembusan.

Beliau berkata, setakat ini pendakwa gagal untuk mengemukakan bukti penembusan itu yang menjadi inti pati penting dalam tuduhan liwat terhadap

kedua-dua tertuduh.

Karpal berhujah adalah penting Anwar dan Sukma Darmawan dihantar untuk menjalani ujian kemaluan mereka sama ada tegang atau sebaliknya seperti yang ditetapkan undang-undang.

Katanya, pendakwa menafikan hak kedua-dua tertuduh untuk mendapat faedah daripada hasil pemeriksaan perubatan Azizan apabila tidak menghantar mangsa liwat bagi pemeriksaan perubatan.

Sementara itu, peguam bela Sukma Darmawan, Jagdeep Singh Deo berhujah pendakwa gagal untuk memenuhi unsur tuduhan kes liwat untuk membuktikan kedua-dua tertuduh bersalah.

Katanya, pendakwa gagal untuk membuktikan tertuduh melakukan hubungan seksual di bahagian dubur dan melakukan perbuatan itu secara sukarela.

Beliau berhujah sebaliknya pendakwa juga gagal membuktikan bahawa ada berlaku penembusan ke atas Azizan.

Katanya, tuduhan kes liwat mudah dibuat tetapi sukar untuk dibuktikan, oleh itu mahkamah perlu memakai standard bukti mengatasi keraguan munasabah ketika mengambil keputusan untuk memanggil tertuduh membela diri.

* 10 September (Hari ke-51)

Mahkamah Tinggi memerintahkan Anwar dihantar untuk menjalani pemeriksaan perubatan bagi mengetahui sama ada bekas Timbalan Perdana Menteri itu menghidapi keracunan arsenik.

Ariffin mengeluarkan perintah itu selepas diberitahu oleh Karpal, bahawa Anwar disyaki menghidapi keracunan itu dan perlu mendapat rawatan segera doktor.

Sehubungan itu, Ariffin menangguhkan perbicaraan sehingga Anwar disahkan sihat oleh doktor untuk menghadiri perbicaraan.

Perbicaraan bersambung pada satu tarikh akan ditetapkan kelak.

(END)